



UNDANG-UNDANG SARAWAK

Bab 41

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

Tarikh Diluluskan oleh Dewan
Undangan Negeri 6hb November, 2001

Tarikh Dipersetujui 10hb Disember, 2001

Tarikh Diterbitkan dalam *Warta* ... 27hb Disember, 2001

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

MAJLIS ISLAM SARAWAK

Penubuhan, Kuasa-kuasa, dsb., Majlis

3. Penubuhan Majlis
4. Identiti di sisi undang-undang dan kuasa-kuasa Majlis
5. Kewajipan Majlis tentang kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat orang Islam
6. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
7. Kuasa untuk meminjam
8. Majlis dibantu oleh Lembaga
9. Undang-undang yang dikehendaki dipatuhi
10. Kuasa dan tugas lanjut

Keanggotaan Majlis dan Pelantikan

11. Keanggotaan Majlis
12. Penamatan pelantikan
13. Pembatalan pelantikan
14. Pelantikan sementara
15. Kuasa-kuasa Majlis, dsb., tidak terjejas dengan kekosongan, dsb.
16. Elaun

*Seksyen***BAHAGIAN III****YANG DIPERTUA, SETIAUSAHA DAN PERJALANAN MAJLIS**

Kuasa dan Fungsi Yang Dipertua tentang Perjalanan Majlis, dsb.

17. Kawalan oleh Yang Dipertua
18. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Majlis
19. Mempengerusikan mesyuarat
20. Aturan urusan dan pengundian
21. Permohonan cuti oleh Yang Dipertua
22. Tindakan dalam hal tergempar

Kuasa, Tugas dan Tanggungjawab Setiausaha

23. Setiausaha
24. Tugas dan kuasa Setiausaha
25. Memanggil mesyuarat
26. Minit
27. Salinan ketetapan yang diperakui

Perjalanan Majlis

28. Pengendalian perjalanan mesyuarat
29. Kuorum
30. Penggunaan meterai
31. Kehadiran oleh Majlis

Pewakilan Kuasa dan Kewajipan Majlis

32. Pewakilan kuasa dan kewajipan Majlis
33. Kerahsiaan
34. Majlis boleh menentukan tatacara dan amalannya sendiri

BAHAGIAN IV**PELANTIKAN MUFTI DAN PENUBUHAN LEMBAGA FATWA**

Mufti

35. Pelantikan Mufti

*Seksyen**Lembaga Fatwa*

36. Penubuhan Lembaga Fatwa
37. Kuasa Majlis untuk mengeluarkan fatwa
38. Meminta pendapat daripada Lembaga Fatwa
39. *Qaul muktamad* yang hendaklah diikuti
40. Pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan fatwa
41. Fatwa yang ada kaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional
42. Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

BAHAGIAN V

PENUBUHAN LEMBAGA BAITULMAL DAN WAKAF, BAITULMAL,
WAKAF DAN NAZR*Lembaga Baitulmal dan Wakaf*

43. Penubuhan Lembaga Baitulmal dan Wakaf
44. Pelaburan dalam harta tak alih

Penubuhan, dsb., Baitulmal dan Caruman kepadanya

45. Penubuhan Baitulmal
46. Penggunaan Baitulmal
47. Baitulmal terpakai bagi harta pusaka dan harta tak alih si mati
48. Caruman kepada Baitulmal oleh majikan berkenaan dengan pekerja-pekerja beragama Islam
49. Caruman daripada orang-orang lain kepada Baitulmal
50. Caruman oleh majikan beragama Islam

Wakaf dan nazr

51. Sekatan bagi pewujudan *wakaf* dan *nazr*
52. Pendapatan daripada *wakaf khas* dan *nazr am*
53. Modal *wakaf* dan *nazr am*
54. Pengertian suratcara tentang *wakaf* atau *nazr*

Seksyen

*Penyiaran senarai harta, dsb., dan
akaun-akaun berasingan dalam Baitulmal*

55. Penyiaran senarai harta, dsb., dan akaun-akaun berasingan dalam Baitulmal

BAHAGIAN VI**PENUBUHAN LEMBAGA HAL-EHWAL ISLAM DAN ADAT MELAYU,
LEMBAGA MASJID-MASJID, DSB.**

Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu

56. Penubuhan Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu

Lembaga Masjid-Masjid

57. Penubuhan Lembaga Masjid-Masjid

Am

- 58. Peramanahan masjid-masjid, tanah, dsb.
- 59. Penyenggaraan masjid dan kawasannya
- 60. Penubuhan masjid
- 61. Pelantikan pegawai masjid
- 62. Tempoh pemegangan jawatan bagi pegawai masjid
- 63. Kawalan dan arahan ke atas pegawai masjid
- 64. Pengecualian bagi masjid

BAHAGIAN VII**ZAKAT DAN FITRAH**

- 65. Kuasa Majlis untuk memungut dan melupuskan zakat dan fitrah
- 66. Kuasa Majlis untuk membuat kaedah-kaedah mengenai zakat dan fitrah
- 67. Bantahan

BAHAGIAN VIII**PEMELUKAN AGAMA ISLAM**

- 68. Kehendak-kehendak bagi, dan kesannya, memeluk agama Islam
- 69. Keupayaan untuk memeluk agama Islam
- 70. Pelantikan Pendaftar Pemeluk Agama Islam

Seksyen

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

- 71. Anggaran pendapatan dan belanjawan
- 72. Audit
- 73. Laporan Tahunan
- 74. Akaun bank

BAHAGIAN X

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI

- 75. Pelantikan agen, amil dan pegawai-pegawai berkenaan dengan pemungutan caruman kepada Baitulmal
- 76. Pelantikan jawatankuasa-jawatankuasa
- 77. Penyiaran akan pelantikan, dsb. di dalam *Warta*
- 78. Akta Perlindungan Pihak-Pihak Berkuasa Awam, 1948
- 79. Pekhidmat awam
- 80. Kesalahan olch syarikat, pertubuhan, dll., agama Islam
- 81. Siapa boleh mendakwa
- 82. Kuasa Yang di-Pertua Negeri untuk membuat kaedah-kaedah

BAHAGIAN XI

PEMANSUHAN, PERKECUALIAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

- 83. Pemansuhan, perkecualian dan peruntukan peralihan
- 84. Terus menjadi pegawai, pekhidmat, dsb., Majlis
- 85. Pemindahan kuasa, hak, liabiliti dan kewajipan
- 86. Pemindahan harta
- 87. Kontrak sedia ada
- 88. Pemindahan Baitulmal
- 89. Pencegahan berlakunya anomali

JADUAL

UNDANG-UNDANG SARAWAK

Bab 41

ORDINAN MAJLIS ISLAM SARAWAK, 2001

Suatu Ordinan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang lebih baik dalam undang-undang berkenaan dengan pemerbadanan, pentadbiran dan pengurusan Majlis Islam Sarawak dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[]

Diperbuat oleh Badan Perundangan Sarawak—

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1.—(1) Ordinan ini bolehlah dinamakan Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.

(2) Ordinan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Yang di-Pertua Negeri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Ordinan ini.

Tafsiran

2.—(1) Dalam Ordinan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“*anak kariah*” ertinya seseorang yang tinggal tetap atau pada kelazimannya bermukim dalam sesuatu *kariah masjid*;

“*Baitulmal*” ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 45;

“*emolumen*” ertinya gaji atau upah dan segala saraan berupa wang yang kena dibayar kepada seseorang pekerja dan termasuklah

gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun-elaun bulanan lain;

“fatwa” ertinya fatwa yang dikeluarkan di bawah seksyen 37 oleh Majlis;

“fitrah” ertinya sukatan beras atau nilaiannya yang setara dengan wang yang kena dibayar di bawah hukum agama Islam atau Undang-Undang Islam pada tiap-tiap tahun oleh setiap orang Islam dalam bulan Ramadan untuk digunakan bagi maksud agama atau khairat yang diakui oleh Undang-Undang Islam;

“harta” ertinya segala harta, alih atau tak alih, dan termasuklah semua tanah, harta pusaka, kepentingan, isemen dan hak, sama ada berekuiti atau di sisi undang-undang, dalam, kepada atau daripada harta, dan benda-benda dalam tindakan;

“Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah peraturan 11 peraturan-peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia;

“*kariah masjid*”, berhubungan dengan sesuatu masjid, ertinya kawasan, yang mana sempadannya ditetapkan di bawah seksyen 60, yang di dalamnya masjid itu terletak;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Negeri Sarawak;

“Lembaga” ertinya Lembaga Baitulmal dan Wakaf, Lembaga Fatwa, Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu dan Lembaga Masjid-Masjid yang masing-masingnya ditubuhkan di bawah Ordinan ini, dan apabila rujukan kepada Lembaga itu dibuat secara berasingan ia merujuk kepada, dan bererti, Lembaga yang dirujukkan itu sahaja;

“mahkamah” ertinya mana-mana mahkamah di dalam Persekutuan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

“majikan” ertinya orang yang dengannya seseorang pekerja telah mengikat kontrak perkhidmatan atau perantisan dan termasuklah—

(a) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab atas pembayaran gaji atau upah kepada pekerja;

(b) mana-mana kumpulan orang sama ada berkanun atau diperbadankan ataupun tidak;

(c) mana-mana Kerajaan, mana-mana jabatan Kerajaan (termasuk Kerajaan Malaysia dan mana-mana Kerajaan Negeri di Malaysia), mana-mana pihak berkuasa tempatan dan mana-mana badan berkanun Persekutuan atau Negeri; dan

(d) mana-mana badan lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta*;

“Majlis” ertinya Majlis Islam Sarawak yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri” ertinya badan yang dibentuk di bawah Perkara 6(1) Perlembagaan Negeri Sarawak [**G.N.S. 163/63 (Cetakan Semula 1981)**] untuk menasihati Yang di-Pertua Negeri pada menjalankan fungsi-fungsinya;

“Majlis terdahulu” ertinya Majlis Islam yang ditubuhkan di bawah Ordinan dimansuhkan;

“masjid” ertinya sesuatu bangunan—

(a) yang didiri atau digunakan bagi maksud mengadakan sembahyang Jumaat dan sembahyang lain dan kegiatan-kegiatan yang disuruh, diperlukan, disyorkan atau dibenarkan oleh agama Islam; dan

(b) yang penggunaannya sebagai yang sedemikian dibenarkan oleh Majlis di bawah seksyen 60,

dan termasuklah mana-mana surau atau bangunan lain yang ditetapkan oleh Majlis sebagai masjid di bawah seksyen itu;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu dipertanggungkan dengan tanggungjawab atas Majlis;

“Mufti” ertinya Mufti yang dilantik di bawah seksyen 35;

“*nazr*” ertinya sesuatu *iqrar* yang dilafazkan secara bertulis dan disempurnakan dengan wajar mengikut Undang-Undang Islam untuk melakukan apa-apa perbuatan atau mewakafkan harta bagi apa-apa maksud yang dibenarkan oleh Undang-Undang Islam;

“*nazr am*” ertinya sesuatu *nazr* yang dimaksudkan keseluruhannya atau sebahagiannya bagi faedah masyarakat Islam pada amnya atau mana-mana bahagian masyarakat Islam, dan bukan bagi individu atau individu-individu;

“Negeri” ertinya Negeri Sarawak;

“orang Islam” ertinya—

(a) seseorang yang menganut agama Islam;

(b) seseorang yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya, pada masa kelahiran orang itu, ialah orang Islam;

(c) seseorang yang dibesarkan atas dasar bahawa dia orang Islam;

(d) seseorang yang telah memeluk agama Islam mengikut Bahagian VIII;

(e) seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam; atau

(f) seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan, dalam hal keadaan apabila dia terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, bahawa dia ialah orang Islam, sama ada pernyataan itu secara lisan atau bertulis;

“Ordinan dimansuhkan” ertinya Ordinan Majlis Islam (Pemerbadanan) [**Bab 105 (Cetakan 1972)**];

“Ordinan ini” ertinya Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 [**Bab 41**];

“pegawai masjid” ertinya Imam, Khatib, Bilal atau Marbot, mengikut mana-mana yang berkenaan, sesuatu masjid pada ketika itu;

“pemeluk agama Islam” ertinya seseorang yang baru memeluk agama Islam mengikut seksyen 68;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang disebut dalam seksyen 23 yang hendaklah juga menjadi Setiausaha kepada semua Lembaga;

“tarikh ditetapkan” ertinya tarikh atau tarikh-tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua Negeri di bawah seksyen 1;

“undang-undang bertulis” ertinya mana-mana undang-undang bertulis yang terpakai bagi orang-orang yang menganut agama Islam di dalam Negeri;

“Undang-Undang Islam” ertinya Undang-Undang Islam mengikut *Mazhab Shafie* atau mengikut mana-mana satu *Mazhab*

Maliki, Hanbali atau Hanafi sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis;

“*wakaf am*” ertinya suatu *wakaf* yang berkekalan atas modal dan pendapatan daripada harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Undang-Undang Islam dan harta yang diwakafkan sedemikian;

“*wakaf khas*” ertinya suatu *wakaf* yang berkekalan, atau bagi suatu tempoh tertentu, atas harta modal bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Undang-Undang Islam dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang manfaat dan faedah daripadanya diberikan kepada orang-orang tertentu atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam *wakaf* itu;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis yang dilantik di bawah seksyen 11;

“*zakat*” ertinya cukai daripada harta dan pendapatan seseorang orang Islam yang kena dibayar mengikut Undang-Undang Islam.

(2) Dalam Ordinan ini, sebutan mengenai Yang di-Pertua Negeri hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Yang di-Pertua Negeri yang bertindak mengikut nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau nasihat seseorang anggotanya yang bertindak di bawah kuasa am Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu.

(3) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Ordinan ini dan tidak ditakrifkan dalam Ordinan ini tetapi ditakrifkan dalam Ordinan Tafsiran **[Bab 1 (Edisi 1958)]** atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing dalam Ordinan atau undang-undang bertulis itu setakat yang ertinya itu tidak bercanggah dengan Undang-Undang Islam.

BAHAGIAN II

MAJLIS ISLAM SARAWAK

Penubuhan, Kuasa-kuasa, dsb., Majlis

Penubuhan Majlis

3.—(1) Maka hendaklah ada suatu badan yang dinamai “Majlis Islam Sarawak” untuk membantu dan menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri, kecuali perkara-perkara mengenai Undang-Undang Islam dan

undang-undang yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan untuk menjalankan apa-apa kuasa dan tugas yang diberikan oleh Ordinan ini.

(2) Apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, "Majlis Islam", yang wujud menurut kuasa seksyen 3 Ordinan dimansuhkan, hendaklah disifatkan sebagai Majlis yang disebut dalam subseksyen (1).

Identiti di sisi undang-undang dan kuasa-kuasa Majlis

4.—(1) Majlis hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-menurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai perbadanan tersebut boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dan, sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini, meterai Majlis terdahulu bolehlah digunakan sebagai meterai biasa bagi Majlis.

(2) Majlis boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya.

(3) Majlis boleh membuat kontrak dan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati segala jenis harta alih dan tak alih dan, tertakluk kepada mana-mana atau lain-lain undang-undang bertulis yang menyentuhnya, boleh memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan dan memulangkan, menggadaikan, mengadaijanji, mendemis, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan tentang, mana-mana harta alih atau tak alih yang terletak hak pada Majlis atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Majlis dan mengikut Undang-Undang Islam.

(4) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi bagi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah bagi mana-mana amanah.

(5) Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk mendaftarkan institusi dan sekolah agama Islam di dalam Negeri.

(6) Majlis hendaklah, bagi maksud-maksud Kanun Tanah [*Bab 81 (Cetakan 1972)*], disifatkan sebagai bumiputera Sarawak.

Kewajipan Majlis tentang kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat orang Islam

5.—(1) Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan

ekonomi dan sosial dan kesejahteraan masyarakat Islam di dalam Negeri selaras dengan Undang-Undang Islam.

(2) Majlis hendaklah mempunyai kuasa, bagi maksud menunaikan kewajipannya di bawah subseksyen (1), —

(a) untuk menjalankan segala aktiviti, khususnya memajukan perusahaan komersil dan perindustrian, yang perjalannya ternyata kepada Majlis adalah perlu, berfaedah atau menyenangkan bagi atau berkaitan dengan penunaian kewajipan yang sedemikian;

(b) untuk menggalakkan penjalanan apa-apa kegiatan sedemikian oleh badan-badan atau orang-orang lain, dan bagi maksud itu untuk menubuhkan atau memperkembangkan, atau menggalakkan penubuhan atau perkembangan, badan-badan lain untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian sama ada di bawah kawalan atau separa kawalan Majlis atau secara bebas, dan untuk memberikan bantuan kepada badan-badan atau orang-orang lain yang ternyata kepada Majlis mempunyai kemudahan untuk menjalankan apa-apa kegiatan yang sedemikian, termasuklah pemberian bantuan kewangan dengan cara pinjaman atau selainnya;

(c) untuk menjalankan apa-apa kegiatan sedemikian bersama badan-badan atau orang-orang lain, termasuklah jabatan-jabatan atau pihak-pihak berkuasa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, atau sebagai ejen urusan atau selainnya bagi pihak Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

(d) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan yang dibenarkan sebagaimana yang ditakrifkan oleh Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*], dan untuk melupuskan pelaburan itu atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Majlis;

(e) untuk menubuhkan, membina, menyenggarakan dan mengawalselia institusi-institusi atau sekolah-sekolah agama Islam dan institusi-institusi latihan dan penyelidikan Islam;

(f) untuk menubuhkan apa-apa skim bagi pemberian pinjaman atau selainnya daripada Baitulmal kepada individu-individu beragama Islam bagi pendidikan tinggi; dan

(g) untuk melakukan segala perbuatan lain yang difikirkan oleh Majlis mustahak atau suaimanfaat.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

6. Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri,—

- (a) menubuhkan atau memperbadankan suatu syarikat atau syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]; atau
- (b) memperoleh atau memegang kepentingan, syer dan sekuriti dalam mana-mana syarikat atau syarikat-syarikat,

untuk mengusahakan atau menjalankan apa-apa aktiviti atau perniagaan yang difikirkan patut dan wajar oleh Menteri supaya diusahakan atau dijalankan bagi maksud-maksud Ordinan ini atau bagi pemelaburan apa-apa wang atau harta yang terletak hak pada atau ditadbirkan oleh Majlis di bawah Bahagian V.

Kuasa untuk meminjam

7.—(1) Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan olehnya, meminjam apa-apa jumlah wang yang mungkin diperlukannya untuk menunaikan mana-mana daripada obligasinya atau menjalankan mana-mana daripada fungsinya di bawah Ordinan ini.

(2) Jumlah-jumlah wang yang dipinjam menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah dibayar ke dalam akaun berasingan Baitulmal.

Majlis dibantu oleh Lembaga

8. Majlis hendaklah dibantu oleh Lembaga pada menjalankan apa-apa tugas sebagaimana yang ditugaskan kepada Lembaga itu masing-masing oleh Ordinan ini sama ada di bawah arahan Majlis atau secara bebas.

Undang-undang yang dikehendaki dipatuhi

9. Majlis hendaklah memberi pengiktirafan akan dan bertindak ke atas segala undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di dalam Negeri, peruntukan-peruntukan Undang-Undang Islam dan undang-undang adat Melayu bagi Negeri.

Kuasa dan tugas tambahan

10. Selain kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Ordinan ini, Majlis hendaklah mempunyai apa-apa kuasa tambahan dan hendaklah melaksanakan apa-apa tugas tambahan sebagaimana yang ditugaskan kepadanya oleh Ordinan ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis atau sebagaimana yang dipertanggungkan kepada Majlis oleh Yang di-Pertua Negeri, melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Keanggotaan Majlis dan Pelantikan

Keanggotaan Majlis

11.—(1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota-anggota berikut yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, atas syor Yang di-Pertua Negeri,—

- (a) seorang Yang Dipertua;
- (b) seorang Timbalan Yang Dipertua; dan
- (c) tidak lebih daripada sepuluh orang anggota lain.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya dalam Ordinan ini dan melainkan jika ternampak yang berlawanan dalam suratcara pelantikan, pelantikan anggota-anggota Majlis hendaklah, melainkan jika mereka terlebih dahulu meletakkan jawatan atau jawatan mereka itu dibatalkan terlebih dahulu, disifatkan telah dibuat bagi tempoh tiga tahun dari tarikh pelantikan itu.

(3) Anggota-anggota Majlis adalah layak untuk dilantik semula setelah tempoh jawatan mereka itu tamat.

(4) Tiada seorang pun yang berumur dua puluh satu tahun atau berumur kurang daripada itu dan tidak menganut agama Islam boleh dilantik menjadi anggota Majlis.

Penamatian pelantikan

12. Pelantikan mana-mana anggota Majlis hendaklah tamat—

- (a) apabila dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah seksyen 33 atau di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (dengan pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;

- (c) jika dia dihakimi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tak berdaya untuk menjalankan tugas-tugasnya;
- (e) jika , dengan surat yang dialamatkan kepada Yang di-Pertua Negeri melalui Yang Dipertua, dia meletakkan jawatannya; atau
- (f) jika dia tidak ada di dalam Negeri, tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, selama tempoh melebihi tiga bulan.

Pembatalan pelantikan

13. Yang di-Pertuan Agong boleh, pada bila-bila masa, atas syor Yang di-Pertua Negeri, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Majlis—

- (a) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugas-tugasnya sebagai anggota atau selainnya, pernah atau adalah pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, yang bertindak atas syor Yang di-Pertua Negeri, sebegitu rupa hingga memburukkan nama baik Majlis; atau
- (b) jika, tanpa apa-apa alasan yang mencukupi pada pendapat Yang Dipertua, dia telah tidak menghadiri tiga kali mesyuarat Majlis secara berturut-turut.

Pelantikan sementara

14. Jika mana-mana anggota Majlis tidak ada buat sementara atau tak berkeupayaan atau ditamatkan pelantikannya di bawah seksyen 12, maka Yang di-Pertua Negeri boleh melantik mana-mana orang untuk bertindak menggantikan anggota itu di sepanjang tempoh ketiadaan sementara atau ketakberkeupayaan atau penamatan pelantikan itu.

Kuasa-kuasa Majlis, dsb., tidak terjejas disebabkan kekosongan, dsb.

15. Kuasa-kuasa Majlis, mana-mana Lembaga atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan oleh atau di bawah Ordinan ini tidaklah, melainkan jika ternampak maksud yang bertentangan, terjejas disebabkan—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaannya;

- (b) hakikatnya bahawa kemudiannya didapati bahawa terdapat sesuatu kecacatan pada pelantikan atau kelayakan seseorang yang berupa menjadi anggotanya; atau
- (c) hakikatnya bahawa terdapat apa-apa ketakteraturan kecil dalam hal memanggil mesyuaratnya.

Elaun

16. Anggota Majlis dan Lembaga, dan anggota jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis dan Lembaga masing-masing di bawah Ordinan ini, boleh dibayar apa-apa elauan sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis selepas berunding dengan Menteri.

BAHAGIAN III

YANG DIPERTUA, SETIAUSAHA DAN PERJALANAN MAJLIS

Kuasa-kuasa dan Fungsi-fungsi Yang Dipertua ke atas Perjalanan Majlis, dsb.

Kawalan oleh Yang Dipertua

17.—(1) Yang Dipertua hendaklah menjalankan kawalan ke atas segala pertimbangtelitian dan perjalanan Majlis dan hendaklah bertanggungjawab atas pengendaliannya yang patut dan teratur dan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Yang di-Pertua Negeri.

(2) Yang Dipertua, atau mana-mana orang yang dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri dibawah seksyen 14, atas syor Majlis, boleh menjalankan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Mufti di sepanjang tempoh yang mana Mufti tidak ada dilantik di bawah seksyen 35 atau di sepanjang tempoh yang mana kerana apa-apa jua sebab Mufti tidak dapat menjalankan kuasa-kuasa atau fungsi-fungsinya.

(3) Yang Dipertua atau orang yang dilantik sedemikian hendaklah, di sepanjang tempoh yang dia menjalankan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi Mufti di bawah subseksyen (2), disifatkan sebagai Mufti.

Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Majlis

18.—(1) Yang Dipertua boleh menjemput mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat Majlis jika urusan di hadapan mesyuarat itu menyebabkan kehadiran orang itu dikehendaki bagi maksud membantu atau menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang ditimbangteliti.

(2) Seseorang yang menghadiri mesyuarat di bawah subseksyen (1) berhak mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Majlis tetapi tidak berhak mengundi.

(3) Mana-mana orang yang dijemput di bawah subseksyen (1) untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis boleh dibayar apa-apa elauan sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis.

Mempengerusikan mesyuarat

19.—(1) Yang Dipertua atau, dalam masa ketakhadirannya, Timbalan Yang Dipertua hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, anggota-anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Aturan urusan mesyuarat dan pengundian

20.—(1) Yang Dipertua hendaklah memutuskan aturan urusan bagi mana-mana mesyuarat.

(2) Jika terdapat persamaan undi tentang apa-apa ketetapan yang hendak diputuskan oleh Majlis, maka Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus selain undi biasanya.

Permohonan cuti oleh Yang Dipertua

21.—(1) Yang Dipertua hendaklah, jika telah dijangkakan yang dia tidak akan hadir kerana bercuti atau kerana apa-apa sebab lain selama lebih daripada empat belas hari, memohon cuti daripada Yang di-Pertua Negeri yang boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Mana-mana anggota lain Majlis atau Setiausaha hendaklah memohon cuti kepada Yang Dipertua dan Yang Dipertua boleh memberikan cuti itu ataupun dia akan mengemukakan perkara itu kepada Yang di-Pertua Negeri untuk mendapatkan arahan daripadanya.

Tindakan dalam hal tergempar

22.—(1) Dalam apa-apa hal tergempar, Yang Dipertua boleh, dengan kelulusan Menteri, melakukan atau mengarahkan supaya

dilakukan bagi pihak Majlis apa-apa tindakan atau perkara yang boleh dilakukan dengan sah melalui ketetapan Majlis.

(2) Jika apa-apa tindakan atau perkara dilakukan menurut subseksyen (1), suatu mesyuarat Majlis hendaklah diadakan dalam masa seminggu selepas itu bagi maksud meratifikasi dan mengesahkan tindakan atau perkara yang dilakukan itu, dan jika Majlis enggan meratifikasi dan mengesahkan tindakan atau perkara yang dilakukan itu, Yang di-Pertua Negeri boleh memberi apa-apa arahan berkenaan dengannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kuasa, Tugas dan Tanggungjawab Setiausaha

Setiausaha

23.—(1) Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri hendaklah menjadi Setiausaha Majlis yang hendaklah dibantu oleh beberapa orang pegawai sebagaimana yang dilantik oleh Pengarah dengan kelulusan Yang Dipertua.

(2) Setiausaha hendaklah, selain tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang disebutkan dalam seksyen 24, 25, 26 dan 62,—

(a) bertanggungjawab bagi pelaksanaan keputusan-keputusan dan bagi penjalanan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan Majlis and atas pentadbiran am akan hal-ehwalnya;

(b) menjalankan pengawasan dan kawalan ke atas semua pegawai dan pekhidmat Majlis; dan

(c) melaksanakan dan menjalankan apa-apa fungsi dan tugas lain sebagaimana yang diputuskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

(3) Setiausaha hendaklah menghadiri semua mesyuarat Majlis dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak berhak mengundi.

Tugas dan kuasa Setiausaha

24. Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Yang Dipertua, Setiausaha hendaklah—

(a) bertanggungjawab ke atas semua surat-menyerat dan dokumen Majlis, termasuk semua buku akaunnya, dan semua surat ikatan hak milik dan sekuriti;

(b) pada amnya bertanggungjawab atas pemungutan, pengakaunan dan pelupusan yang wajar akan semua wang Majlis; dan

(c) dalam segala perkara lain, menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang dipertanggungkan kepadanya oleh Ordinan ini atau ditugaskan kepadanya melalui arahan Yang Dipertua.

Memanggil mesyuarat

25.—(1) Semua mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Setiausaha pada bila-bila masa atas arahan Yang Dipertua.

(2) Mana-mana empat orang anggota Majlis boleh pada bila-bila masa secara bertulis menghendaki Setiausaha supaya memanggil mesyuarat Majlis dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha akan maksudnya mereka inginkan mesyuarat itu dipanggil.

(3) Setiausaha hendaklah memanggil suatu mesyuarat dalam masa empat belas hari dari tarikh menerima arahan di bawah subseksyen (1) atau kehendak di bawah subseksyen (2).

(4) Notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh hari hendaklah diberikan tentang mana-mana mesyuarat, tetapi Yang Dipertua boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang lebih singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

(5) Notis mesyuarat boleh dihantar dengan pos, faksimile atau E-mel.

(6) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan pos hendaklah dialamatkan ke tempat tinggalnya yang terakhir diketahui dan hendaklah disifatkan telah disampaikan mengikut perjalanan pos biasa.

(7) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan faksimile hendaklah dihantar kepada nombor faksimile yang diberikan oleh anggota itu secara bertulis kepada Setiausaha dan hendaklah disifatkan telah diterima oleh anggota itu apabila kod panggilan balik diterima oleh Setiausaha.

(8) Notis yang dihantar kepada seseorang anggota dengan E-mel hendaklah dihantar ke alamat E-mel yang diberikan oleh anggota itu secara bertulis kepada Setiausaha dan hendaklah disifatkan telah diterima apabila pentadbir mel yang berkenaan memaklumkan bahawa mel itu sudah berjaya dihantar atau jika tidak ada makluman daripada pentadbir mel bahawa mel itu tidak berjaya dihantar.

(9) Tiada notis mesyuarat diperlukan dalam hal anggota yang sedang berada di luar Negeri.

Minit

26.—(1) Setiausaha hendaklah menyimpan minit segala mesyuarat Majlis.

(2) Pada tiap-tiap mesyuarat minit mesyuarat yang lalu hendaklah dibaca dan disahkan, tertakluk kepada apa-apa pindaan yang diperlukan.

(3) Minit itu hendaklah dicatatkan dalam buku minit Majlis dan hendaklah mengandungi rekod kata demi kata penuh bagi tiap-tiap ketetapan Majlis.

(4) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas tiap-tiap mesyuarat Majlis, satu salinan draf minit itu hendaklah dihantar kepada Yang di-Pertua Negeri, dan jika semasa draf minit itu disahkan, minit itu dipinda, Yang di-Pertua Negeri hendaklah segera dimaklumi tentang pindaan yang dibuat itu.

Salinan-salinan ketetapan yang diperakui

27. Setiausaha boleh memperakukan salinan apa-apa ketetapan Majlis sebagai salinan benar bagi sesuatu ketetapan dan ketetapan itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, menjadi keterangan yang mencukupi mengenainya, dan semua mahkamah hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman kepada ketetapan itu tanpa bukti tandatangan Setiausaha.

Perjalanan Majlis

Pengendalian perjalanan mesyuarat

28.—(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya oleh Ordinan ini, semua perjalanan Majlis hendaklah dikendalikan dalam mesyuarat Majlis yang diadakan sekera kali dan hendaklah dibereskan melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi.

(2) Ketetapan bertulis yang ditandatangani oleh semua anggota Majlis hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Yang di-Pertua Negeri dalam mana-mana hal atau golongan hal khas, mempunyai kesan yang sama seperti ketetapan yang diluluskan sewajarnya di bawah subseksyen (1).

Kuorum

29. Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat dan tiada ketetapan atau tindakan Majlis yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat adalah sah, melainkan jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Majlis, termasuk Yang Dipertua atau orang yang mempengerusikan mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

Penggunaan meterai

30.—(1) Meterai perbadanan Majlis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(1) tidaklah boleh diguna kecuali menurut suatu ketetapan Majlis.

(2) Apa-apa dokumen atau suratcara yang hendak disempurnakan dengan meterai Majlis hendaklah dimeterai di hadapan Setiausaha dan dua orang anggota lain Majlis yang kesemua mereka itu hendaklah menurunkan tandatangan sebagai saksi. Penandatanganan itu hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai tersebut telah dicapkan dengan sempurna dan sepatutnya dan meterai itu adalah meterai yang sah kepunyaan Majlis.

(3) Dokumen-dokumen atau suratcara-suratcara yang berikut hendaklah disempurnakan dengan meterai perbadanan Majlis—

(a) dokumen-dokumen yang memerlukan pendaftaran di mana-mana Pejabat Tanah;

(b) dokumen-dokumen yang memberikuasa kepada mana-mana orang untuk bertindak bagi apa-apa maksud atau maksud-maksud tertentu bagi pihak Majlis; dan

(c) apa-apa dokumen atau suratcara atau golongan dokumen atau suratcara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Yang di-Pertua Negeri dari semasa ke semasa.

(4) Meterai perbadanan Majlis hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Kehadiran Majlis dalam mahkamah

31. Majlis boleh hadir di dalam mana-mana mahkamah (termasuk mahkamah-mahkamah selain Mahkamah Syariah) atau pejabat Kerajaan melalui Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua atau Setiausaha Majlis, atau melalui mana-mana orang yang dilantik bagi maksud itu, sama ada secara am atau dalam apa-apa hal tertentu, dengan menggunakan meterai perbadanan Majlis.

Pewakilan Kuasa dan Kewajipan Majlis

Pewakilan kuasa dan kewajipan Majlis

32.—(1) Majlis boleh, melalui ketetapan yang diluluskan oleh Yang di-Pertua Negeri, mewakilkan kepada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua atau Setiausaha atau kepada mana-mana Lembaga yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini atau kepada mana-mana jawatankuasa Lembaga itu atau mana-mana jawatankuasa Majlis penjalanan mana-mana kuasanya, yang bukan merupakan kuasa-kuasa kehakiman atau kuasi-kehakiman, atau penunaian mana-mana kewajipannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Penjalanan kuasa-kuasa dan penunaian kewajipan-kewajipan menurut pewakilan di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

(3) Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha, Lembaga atau jawatankuasa yang kepadanya pewakilan telah dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah memberitahu Majlis tentang semua tindakan dan perkara yang dilakukan olehnya menurut pewakilan yang sedemikian.

(4) Bagi maksud seksyen ini, kuasa-kuasa yang diberikan kepada Majlis oleh seksyen 37 dan 39 hendaklah disifatkan sebagai kuasa-kuasa kuasi-kehakiman.

Kerahsiaan

33.—(1) Perjalanan Majlis hendaklah dirahsiakan dan tiada seorang pun anggota, pegawai atau pekhidmatnya boleh mendedahkan atau membuka kepada mana-mana orang, selain Yang di-Pertua Negeri atau Menteri atau mana-mana anggota Majlis, apa-apa perkara yang telah berbangkit dalam mana-mana mesyuarat melainkan jika dia dibenarkan dengan nyata oleh Majlis untuk berbuat demikian:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidaklah terpakai bagi perjalanan mesyuarat dan perkara-perkara yang telah dikemukakan kepada, dan telah mendapat kelulusan, Yang di-Pertua Negeri.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Majlis boleh menentukan tatacara dan amalannya sendiri

34. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Ordinan ini, Majlis boleh memutuskan semua persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya sendiri.

BAHAGIAN IV

**PELANTIKAN MUFTI DAN PENUBUHAN
LEMBAGA FATWA**

Mufti

Pelantikan Mufti

35.—(1) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Yang di-Pertua Negeri, melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti.

(2) Mufti hendaklah secara *ex officio* menjadi anggota Majlis dan dia tidaklah tertakluk kepada seksyen 11.

Lembaga Fatwa

Penubuhan Lembaga Fatwa

36.—(1) Maka hendaklah ditubuhkan, bagi maksud Ordinan ini, suatu Lembaga Fatwa yang terdiri daripada Mufti dan tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain yang hendaklah membantu dan menasihati Majlis atas semua perkara yang berhubungan dengan Undang-Undang Islam.

(2) Anggota-anggota Lembaga Fatwa, selain Mufti, hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, bagi apa-apa juga tempoh sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Mufti hendaklah menjadi Pengerusi Lembaga Fatwa dan semasa dia tidak menghadiri mana-mana mesyuarat, anggota-anggota yang hadir boleh memilih seorang anggota dari kalangan mereka untuk bertindak selaku Pengerusi mesyuarat itu.

(4) Kehadiran Pengerusi dan tiga orang anggota lain Lembaga Fatwa sudah cukup menjadi satu kuorum.

(5) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, Lembaga Fatwa hendaklah mempunyai kuasa untuk mengawalselia tatacaranya sendiri.

(6) Bagi maksud subseksyen (4), "Pengerusi" hendaklah termasuk seseorang yang dipilih untuk bertindak selaku Pengerusi mengikut subseksyen (3).

Kuasa Majlis untuk mengeluarkan *fatwa*

37.—(1) Majlis boleh mengeluarkan suatu *fatwa* atas apa-apa perkara atau rukun Undang-Undang Islam atau atas apa-apa perkara mengenai amalan agama Islam:

(a) atas daya usahanya sendiri; atau

(b) sekiranya permintaan supaya dikeluarkan suatu *fatwa* dibuat oleh seseorang dalam golongan yang mempercayai agama Islam dan yang mewakili suatu bahagian daripada masyarakat Islam di dalam Negeri.

(2)(a) Sebaik sahaja menerima permintaan di bawah subseksyen (1)(b), Setiausaha hendaklah segera mengemukakan permintaan itu kepada Mufti yang, jika berpuas hati bahawa *fatwa* yang diminta itu adalah berkaitan dengan perkara mengenai Undang-Undang Islam atau amalan agama Islam yang menarik minat atau menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat Islam di dalam Negeri atau mana-mana bahagian daripadanya, akan menyebabkan dijalankan suatu kajian atau penyelidikan mengenai isu yang dibangkitkan dan *fatwa* yang dicadangkan diminta itu, untuk membolehkan Lembaga Fatwa menimbangteliti mengenainya.

(b) Jika Lembaga Fatwa memutuskan bahawa *fatwa* yang dicadangkan itu patut dikemukakan kepada Majlis untuk pertimbangannya, maka Lembaga Fatwa hendaklah mengemukakan pendapat bertulisnya mengenai *fatwa* itu kepada Majlis.

(3) (a) Sekiranya Majlis memutuskan, sama ada atas daya usahanya sendiri atau menurut suatu permintaan yang dibuat oleh seseorang mengikut subseksyen (1)(b), bahawa sesuatu *fatwa* patut dikeluarkan, maka Majlis hendaklah, melalui Setiausaha Kerajaan Negeri, menghantar keputusannya itu kepada Yang di-Pertua Negeri untuk mendapat persetujuannya.

(b) Sesuatu keputusan di bawah perenggan (a) boleh dibuat mengikut bilangan majoriti anggota Majlis.

(4) Sebaik sahaja persetujuan Yang di-Pertua Negeri didapati mengenai pengeluaran *fatwa*, Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah menyebabkan *fatwa* itu disiarkan dalam *Warta* dan berikut dengan

itu, *fatwa* itu hendaklah, mulai tarikh yang dinyatakan dalam pemberitahuan *Warta*, mengikati semua orang Islam di dalam Negeri.

(5) (a) Sesuatu *fatwa* hendaklah mulai tarikh yang disebut dalam subseksyen (4) diiktiraf oleh semua mahkamah di dalam Negeri sebagai konklusif mengenai perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya.

(b) Dalam prosiding di hadapan mana-mana mahkamah, pengemukaan pemberitahuan *Warta* yang disiarkan menurut subseksyen (4) hendaklah menjadi bukti konklusif tentang *fatwa* yang terkandung di dalamnya.

Meminta pendapat daripada Lembaga Fatwa

38. Jika di dalam mana-mana mahkamah, termasuk Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan mengenai Undang-Undang Islam perlu diputuskan atau diperjelaskan, mahkamah itu boleh meminta pendapat Lembaga Fatwa mengenainya dan Lembaga Fatwa boleh, dengan persetujuan Majlis, mengemukakan pendapatnya kepada mahkamah yang memintanya dengan syarat bahawa pendapat yang dikeluarkan oleh Lembaga tidaklah boleh dianggap sebagai *fatwa*.

***Qaul muktamad* yang hendaklah diikuti**

39.—(1) Dalam mengeluarkan apa-apa *fatwa* di bawah seksyen 37, atau memperakarkan pendapat di bawah seksyen 38, Majlis hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (*qaul muktamad*) *Mazhab Syafie*.

(2) Jika Majlis berpendapat bahawa dengan mengikut *qaul muktamad Mazhab Syafie* itu akan membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, mengikut *qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki* atau *Hanbali*.

(3) Jika Majlis berpendapat bahawa tiada satu pun *qaul muktamad* daripada empat *Mazhab* itu boleh diikuti tanpa membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, membuat *fatwa* mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan *qaul muktamad* mana-mana satu daripada empat *Mazhab* itu.

(4) Semasa membuat apa-apa *fatwa* di bawah subseksyen (2) atau (3), Majlis boleh menerangkan secara terperinci dan dengan memberi apa-apa penjelasan yang diperlukan tentang peruntukan-peruntukan dan prinsip-prinsip yang diikutinya.

Pindaan, ubahsuaian atau pembatalan *fatwa*

40.—(1) Majlis boleh meminda, mengubahsuaai atau membatalkan mana-mana *fatwa* yang telah disiarkan dalam *Warta* di bawah Ordinan ini atau di bawah Ordinan dimansuhkan.

(2) Sesuatu pindaan, ubahsuaian atau pembatalan sesuatu *fatwa* hendaklah disifatkan sebagai suatu *fatwa* dan seksyen 37 hendaklah terpakai baginya.

***Fatwa* yang ada kaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional**

41.—(1) Walau apa pun kuasa Lembaga Fatwa di bawah seksyen 37, apabila ternampak kepada Lembaga Fatwa bahawa suatu *fatwa* yang dicadangkan dibuat adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional, Lembaga Fatwa hendaklah menangguhkan perbincangannya tentang *fatwa* yang dicadangkan itu dan mengemukakan perkara itu kepada Majlis dengan sewajarnya.

(2) Selepas menimbangteliti perkara itu, Majlis boleh membuat syor kepada Yang di-Pertua Negeri bagi mendapatkan perkenannya untuk merujukkan *fatwa* yang dicadangkan itu kepada Majlis Raja-Raja melalui Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

(3) Tanpa menjelaskan keluasan subseksyen (1), suatu *fatwa* hendaklah disifatkan berkaitan dengan perkara-perkara yang menyentuh kepentingan nasional jika persoalan itu ada kaitan dengan apa-apa perkara, dasar, program atau aktiviti yang secara langsung menyentuh kepentingan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau mana-mana kementerian, jabatan atau agensinya.

(4) Jika Yang di-Pertua Negeri memberikan perkenannya di bawah subseksyen (2), Majlis hendaklah, sebelum *fatwa* itu dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, memaklumkan Kerajaan Negeri tentang perujukan itu.

(5) Apabila sesuatu *fatwa* yang dicadangkan telah dirujukkan kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu hendaklah mengemukakan nasihat dan syornya tentang perkara itu kepada Majlis Raja-Raja mengikut subseksyen (2).

(6) Jika Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan dan mengesyorkan supaya dibuat *fatwa* yang dicadangkan itu, dengan atau tanpa apa-apa ubahsuaian, atau supaya dibuat suatu *fatwa* lain tentang perkara yang sama, dan Majlis Raja-Raja telah bersetuju—

- (a) bahawa *fatwa* yang dicadangkan itu menyentuh perbuatan atau amalan agama yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Perkara 38(2)(b) Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) dengan nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu,

maka Majlis hendaklah memberitahu Yang di-Pertua Negeri tentang *fatwa* itu mengikut apa-apa nasihat dan syor itu dan seksyen 37 hendaklah terpakai baginya.

(7) Sesuatu *fatwa* yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa *fatwa* itu dibuat di bawah seksyen ini.

Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan

42.—(1) Majlis boleh menerima pakai apa-apa nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyentuh perbuatan atau amalan agama yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja yang merupakan perbuatan atau amalan agama yang meliputi seluruh Persekutuan menurut Perkara 38(2)(b) Perlembagaan Persekutuan.

(2) Nasihat dan syor yang diterima pakai menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai *fatwa* dan seksyen 37 hendaklah terpakai baginya.

(3) Sesuatu *fatwa* yang disiarkan dalam *Warta* hendaklah disertakan dengan pernyataan bahawa *fatwa* itu dibuat di bawah seksyen ini.

BAHAGIAN V

PENUBUHAN LEMBAGA BAITULMAL DAN WAKAF, BAITULMAL, WAKAF DAN NAZR

Lembaga Baitulmal dan Wakaf

Penubuhan Lembaga Baitulmal dan Wakaf

43.—(1) Maka hendaklah ditubuhkan, bagi maksud Ordinan ini, suatu Lembaga Baitulmal dan Wakaf yang hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada empat orang anggota, termasuk Pengurus, tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Baitulmal dan Wakaf, untuk dan bagi pihak Majlis—

(a) untuk memungut dan menguruskan pemungutan sumbangan-sumbangan kepada Baitulmal mengikut Bahagian ini; dan

(b) untuk menggunakan atau membahagikan pendapatan daripada *wakaf* khas kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam *wakaf*.

Pelaburan dalam harta tak alih

44. Lembaga Baitulmal dan Wakaf hendaklah, untuk dan bagi pihak Majlis, mempunyai kuasa—

(a) untuk melaburkan dari semasa ke semasa wang atau aset Baitulmal untuk faedah Majlis di dalam mana-mana daripada pelaburan yang berikut:

(i) untuk membeli, menukar-ganti, mensubpajakkan dan memegang tanah, bangunan dan lain-lain harta tak alih;

(ii) untuk membina rumah, rumah pangsa, tenemen, kedai, rumah kedai atau apa-apa bangunan lain;

(iii) untuk menjual tanah, rumah, rumah pangsa, tenemen, kedai, rumah kedai atau apa-apa bangunan lain;

(iv) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada masa itu dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan pemelaburan dana amanah dan oleh Undang-Undang Islam; dan

(v) untuk melabur dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain yang dibenarkan oleh Majlis; dan

(b) untuk mengubah-ubahkan atau menghasilkan pelaburan dari semasa ke semasa dan menggunakan khidmat jurubank Baitulmal atau mana-mana agensi lain yang diluluskan oleh Majlis untuk melaburkan wang Baitulmal.

Penubuhan, dsb. Baitulmal dan Caruman-Caruman kepadanya

Penubuhan Baitulmal

45.—(1) Maka hendaklah ditubuhkan, bagi maksud Ordinan ini, suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai Baitulmal.

(2) Baitulmal hendaklah terdiri daripada—

(a) segala harta pusaka atau harta si mati beragama Islam yang, mengikut Undang-Undang Islam atau di bawah Ordinan ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, terakru kepada Baitulmal;

(b) segala fi, wang, zakat dan fitrah yang dipungut dari semasa ke semasa oleh Lembaga masing-masing mengikut Bahagian ini dan Bahagian VII;

(c) segala caruman yang dibuat atau kena dibayar oleh mana-mana orang kepada Baitulmal;

(d) apa-apa pemberian, alang, derma, caruman atau apa-apa jumlah wang lain yang diterima dari mana-mana sumber;

(e) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Majlis di bawah seksyen 7;

(f) segala wang dan harta Baitulmal;

(g) segala harta dan aset daripada *wakaf* khas dan *nazr am*;

(h) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;

(i) segala wang yang didapati atau berbangkit daripada mana-mana harta, pelaburan, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Majlis;

(j) segala wang yang didapati dari pengendalian apa-apa projek, skim atau enterprais yang dibiayai dari Baitulmal; dan

(k) apa-apa jumlah wang atau harta lain yang mungkin dengan apa jua cara kena dibayar kepada atau terletak hak pada Majlis berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi, kuasa dan kewajipannya.

(3) Segala wang dan harta dalam Baitulmal hendaklah terletakhak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan segala wang dan harta itu mengikut Ordinan ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), apa-apa pelaburan berupa aset dan wang yang terletak hak pada Majlis boleh dijual, dihasilkan dan dilupuskan, dan hasil pungutannya itu bolehlah dilaburkan mengikut seksyen 44.

Penggunaan wang Baitulmal

46. Baitulmal hendaklah digunakan bagi—
- (a) memajukan, membantu dan menggalakkan agama Islam;
 - (b) faedah orang-orang Islam mengikut Undang-Undang Islam;
 - (c) kemajuan ekonomi dan sosial dan kesejahteraan masyarakat Islam;
 - (d) membantu meringankan keadaan kemiskinan di kalangan orang Islam;
 - (e) memberi pinjaman atau selainnya kepada individu-individu beragama Islam bagi tujuan pendidikan tinggi di bawah skim yang ditubuhkan di bawah seksyen 5(2)(f);
 - (f) mengadakan dan menyenggarai tempat-tempat ibadat dan tanah perkuburan orang Islam;
 - (g) mengadakan kemudahan-kemudahan agama dan pendidikan bagi orang Islam;
 - (h) membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan bagi menyenggarai dan mentadbirkan harta dan aset Baitulmal yang terletak hak pada Majlis;
 - (i) gaji dan elaun kepada semua agen, pegawai dan pekhidmat Majlis yang diambil bertugas untuk mentadbirkan Baitulmal;
 - (j) fi dan elaun yang kena dibayar kepada anggota-anggota Majlis dan Lembaga dan anggota-anggota jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis dan Lembaga masing-masing di bawah Ordinan ini dan kepada mana-mana orang yang dijemput menghadiri mana-mana mesyuarat di bawah seksyen 18;
 - (k) membayar apa-apa kos, caj dan perbelanjaan bagi melaksanakan Ordinan ini dan berkaitan dengan pentadbiran Baitulmal; dan
 - (l) apa-apa maksud khairat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, dengan kelulusan Menteri.

Baitulmal terpakai bagi harta pusaka dan harta tak alih si mati

47. Baitulmal hendaklah terpakai bagi—

(a) harta pusaka si mati beragama Islam yang berdomisil di dalam Negeri sebelum atau selepas tarikh ditetapkan;

(b) segala harta tak alih di dalam Negeri yang menjadi harta pusaka si mati beragama Islam yang mati di dalam Negeri atau di luar Negeri, sama ada atau tidak dia berdomisil di dalam Negeri sebelum atau selepas tarikh ditetapkan; dan

(c) harta si mati beragama Islam yang mati selepas tarikh ditetapkan mengikut apa-apa hal keadaan hingga menyebabkan, mengikut Undang-Undang Islam, hartanya akan terletakhak pada, atau menjadi kena dibayar kepada, Baitulmal.

(2) Harta pusaka atau harta si mati beragama Islam di bawah subseksyen (1) hendaklah terletak hak pada, dan menjadi kena dibayar kepada, Majlis dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(3) Bagi maksud Baitulmal di bawah subseksyen (2), segala harta, selain harta tak alih, yang terletak di dalam Negeri hendaklah, tanpa apa-apa jua pun pindah hak, serah hak atau pindah milik, dan dalam hal harta tak alih setelah didaftarkan di bawah Kanun Tanah [*Bab 81 (Cetakan 1972)*], terletakhak pada Majlis.

Caruman kepada Baitulmal oleh majikan-majikan berkenaan dengan pekerja-pekerja beragama Islam

48.—(1) Tertakluk kepada Ordinan ini dan mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 82, tiap-tiap majikan seseorang pekerja Islam hendaklah membayar kepada Baitulmal caruman pada tiap-tiap bulan bagi setiap orang pekerja beragama Islam itu sebanyak amaun mengikut emolumennya bagi bulan tertentu pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa kontrak yang berlawanan, seseorang majikan adalah berhak untuk mendapatkan balik daripada emolumen pekerja beragama Islam itu amaun apa-apa caruman yang telah dibayar kepada Baitulmal bagi pihak pekerjanya itu.

(3) Seseorang majikan yang gagal membayar caruman-caruman yang disebutkan dalam subseksyen (1) kepada Baitulmal dalam tempoh masa yang ditetapkan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(4) Seseorang majikan yang telah mendapatkan balik apa-apa amaun caruman daripada emolumen seseorang pekerja Islam mengikut subseksyen (2) dan gagal membayar caruman yang didapatkan balik itu kepada Baitulmal dalam masa yang ditetapkan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

(5) Walau apa pun subseksyen (6), Yang di-Pertua Negeri boleh, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengubahkan amaun caruman yang dinyatakan dalam Jadual dan boleh menetapkan amaun-amaun caruman yang berlainan yang kena dibayar oleh majikan bagi golongan-golongan pekerja Islam yang berlainan.

(6) Tanpa menyentuh subseksyen (1) dan (2), —

(a) seseorang pekerja boleh pada bila-bila masa mencarum dengan sukarela kepada Baitulmal sejumlah wang sebagai tambahan kepada caruman yang disebutkan dalam subseksyen (1) yang kena dibayar oleh majikan; atau

(b) seseorang pekerja boleh memilih untuk mencarum melebihi amaun yang dipotong daripada emolumennya setiap bulan dengan memberi notis bertulis kepada majikannya dengan menyatakan maksudnya yang sedemikian,

dan majikan itu hendaklah membuat potongan bulanan itu seolah-olah kadar caruman yang pekerja itu telah pilih untuk dibuat bayaran ialah kadar yang ditetapkan dalam Jadual dan majikan itu hendaklah meremitkan amaun potongan yang lebih itu kepada Baitulmal, selain caruman bulanan yang berkenaan bagi pekerja itu:

Dengan syarat bahawa seseorang pekerja boleh pada bila-bila masa berhenti membuat potongan bulanan yang berlebihan itu atau membatalkan pilihan yang dibuat di bawah perenggan (a) dan (b) dengan memberi notis bertulis lagi, tidak boleh kurang daripada enam bulan dari tarikh pemberian notis itu, kepada majikannya menyatakan hasratnya hendak menghentikan potongan.

(7) Apa-apa caruman yang boleh didapatkan balik daripada emolumen seseorang pekerja mengikut subseksyen (2) hendaklah didapatkan balik oleh majikan daripada emolumen yang berkenaan dengannya caruman itu adalah kena dibayar pada masa pembayaran emolumen itu atau dalam masa yang ditetapkan dan bukannya dengan cara lain.

Caruman daripada orang-orang lain kepada Baitulmal

49.—(1) Walau apa pun seksyen 48, Majlis boleh—

(a) menerima caruman-caruman sukarela daripada orang-orang beragama Islam untuk mencarum kepada Baitulmal; dan

(b) dengan kelulusan Yang di-Pertua Negeri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menghendaki mana-mana orang beragama Islam atau golongan orang beragama Islam supaya membayar caruman bulanan kepada Baitulmal sebanyak amaun yang ditetapkan.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Bahagian ini boleh ditafsirkan sebagai mengecualikan Majlis daripada menerima caruman daripada mana-mana orang yang bukannya penganut agama Islam sebagai caruman kepada Baitulmal.

Caruman oleh majikan beragama Islam

50. Tiap-tiap majikan yang beragama Islam adalah dikehendaki membayar caruman bulanan kepada Baitulmal mengikut apa-apa kadar yang dinyatakan dalam Jadual dan peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah secara *mutatis mutandis* terpakai dengan sewajarnya.

Wakaf dan Nazr

Sekatan bagi pewujudan *wakaf* atau *nazr*

51.—(1) Sama ada atau tidak dibuat secara wasiat atau alang semasa *marad-al-maut*, tiada *wakaf* atau *nazr* yang melibatkan lebih daripada satu pertiga daripada harta orang yang membuatnya boleh menjadi sah berkenaan dengan bahagian yang melebihi satu pertiga itu.

(2) Seksyen ini tidaklah berkuat kuasa untuk menjadikan sah apa-apa *wakaf* atau *nazr* yang tak sah di bawah peruntukan-peruntukan Undang-Undang Islam.

(3) Apa-apa *wakaf* atau *nazr* yang sah menurut Ordinan dimansuhkan hendaklah terus sah bagi maksud Ordinan ni.

Pendapatan daripada *wakaf khas* dan *nazr am*

52.—(1) Pendapatan yang diterima oleh Majlis daripada sesuatu *wakaf khas* hendaklah digunakan olehnya mengikut peruntukan-peruntukan yang sah bagi *wakaf khas* itu.

(2) Pendapatan daripada tiap-tiap *wakaf*, selain *wakaf* khas, dan daripada tiap-tiap *nazr am*, hendaklah dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

Modal *wakaf* dan *nazr am*

53.—(1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan (3), harta modal dan aset yang tersentuh oleh mana-mana *wakaf* atau *nazr am* yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal, tetapi hendaklah digunakan menurut *wakaf* atau *nazr am* itu dan dipegang sebagai dana yang berasingan.

(2) Jika, oleh sebab masa telah luput atau hal keadaan sudah berubah, tidak mungkin peruntukan-peruntukan yang tepat tentang mana-mana *wakaf* atau *nazr am* dapat dijalankan dengan berfaedah, Majlis hendaklah menyediakan atau disebabkan disediakan suatu skim bagi menggunakan harta dan aset yang tersentuh olehnya mengikut cara yang sehampir mungkin sama dengan yang dikehendaki oleh terma-terma *wakaf* atau *nazr am* itu, dan hendaklah menggunakan harta dan aset itu dengan sewajarnya.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Majlis boleh, dengan kelulusan bertulis Yang di-Pertua Negeri, mengarahkan bahawa harta dan aset yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(4) Jika terma mana-mana *wakaf* atau *nazr am* tidak menyatakan cara penggunaan harta modal dan aset yang tersentuh olehnya, atau jika daripada terma-terma itu tidak pasti bagaimana harta modal atau aset itu patut digunakan, Majlis boleh, dengan kelulusan bertulis Yang di-Pertua Negeri, mengarahkan supaya harta modal dan aset itu hendaklah ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(5) Segala suratcara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan atau yang menyentuh mana-mana *wakaf* atau *nazr am*, berserta dengan mana-mana dokumen hakmilik atau sekuriti-sekuriti lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis.

Pengertian suratcara tentang *wakaf* atau *nazr*

54. Jika, pada pendapat Majlis, makna atau natijah mana-mana suratcara atau akuan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana *wakaf* atau *nazr am* adalah kabur atau tidak pasti, Majlis boleh meruji kkan surat cara atau akuan itu kepada Lembaga Fatwa bagi mendal atkan pendapatnya tentang makna atau natijahnya itu, dan Majlis hendak ah bertindak menurut apa-apa pendapat yang diberikan sedemil an oleh Lembaga Fatwa.

Penyiaran senarai harta, dsb. dan penyimpanan akaun-akaun berasingan dalam Baitulmal

Penyiaran senarai harta, dsb. dan penyimpanan akaun-akaun berasingan dalam Baitulmal

55.—(1) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun, Majlis hendaklah menyedia dan mengemukakan kepada Menteri suatu senarai tentang semua harta, pelaburan dan aset yang terletak hak pada Majlis, dengan tertakluk kepada mana-mana amanah, *wakaf* atau *nazr* dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal.

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Baitulmal—

(a) segala wang berkenaan dengan caruman kepada Baitulmal yang dipungut oleh Lembaga Baitulmal dan Wakaf;

(b) harta modal dan aset daripada *wakaf khas* dan *nazr am*; dan

(c) pendapatan daripada harta modal dan aset daripada *wakaf khas* dan *nazr am*,

tetapi wang itu, atau harta modal dan aset atau pendapatan daripadanya, hendaklah masing-masingnya dimasukkan ke dalam akaun berasingan Baitulmal itu.

BAHAGIAN VI

PENUBUHAN LEMBAGA HAL-EHWAL ISLAM DAN ADAT MELAYU, LEMBAGA MASJID-MASJID, DLL.

Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu

Penubuhan Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu

56.—(1) Maka hendaklah ditubuhkan, bagi maksud Ordinan ini, suatu Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu yang terdiri tidak kurang daripada empat orang anggota, termasuk Pengurus, tetapi tidak lebih daripada lapan orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu untuk menolong dan membantu Majlis mengenai segala perkara yang berhubungan dengan undang-undang adat Melayu

di dalam Negeri, hal-ehwal dan aktiviti-aktiviti semua pertubuhan, badan, organisasi khairat agama Islam dan agama Islam di dalam Negeri, kecuali persoalan tentang atau yang berhubungan dengan Undang-Undang Islam dan juga persoalan-persoalan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan.

(3) Jika di dalam mana-mana mahkamah, selain Mahkamah Syariah, apa-apa persoalan yang berhubungan dengan apa-apa perkara di bawah subseksyen (2) diminta untuk diputuskan, maka mahkamah itu boleh meminta pendapat Majlis tentang persoalan itu.

(4) Sebaik sahaja menerima permintaan di bawah subseksyen (3), Majlis hendaklah merujukkan persoalan itu kepada Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu yang hendaklah, bagi pihak dan atas nama Majlis, memberikan pendapatnya tentang persoalan itu mengikut pendapat majoriti anggotanya kepada mahkamah yang meminta itu.

(5) Semasa membuat dan mengeluarkan apa-apa keputusan sedemikian mengikut seksyen ini, Lembaga Hal-Ehwal Islam dan Adat Melayu hendaklah memberi perhatian wajar kepada undang-undang adat Melayu yang terpakai di dalam Negeri.

Lembaga Masjid-Masjid

Penubuhan Lembaga Masjid-Masjid

57.—(1) Maka hendaklah ditubuhkan, bagi maksud Ordinan ini, suatu Lembaga Masjid-Masjid yang hendaklah terdiri tidak kurang daripada enam orang anggota, termasuk Pengerusi, tetapi tidak lebih daripada dua belas orang anggota yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Adalah menjadi tanggungjawab Lembaga Masjid-Masjid, untuk dan bagi pihak Majlis supaya—

(a) menjalankan kawalan dan pengawasan ke atas semua masjid yang ditubuhkan di dalam Negeri;

(b) memastikan yang wang dan harta masjid diuruskan dengan sewajarnya;

(c) menjalankan apa-apa aktiviti sama ada di bawah arahan Majlis atau secara tersendiri;

(d) memberikan bantuan kewangan kepada mana-mana masjid berupa pinjaman atau selainnya; atau

(e) melakukan segala perbuatan lain yang Majlis fikirkan mustahak atau suaimanfaat.

(3) Lembaga Masjid-Masjid hendaklah, pada setiap masa, sentiasa memberitahu Majlis tentang hal-ehwal semua masjid di dalam Negeri, dan hendaklah membuat dan mengirimkan atau menyebabkan dibuat dan dikirimkan kepada Majlis laporan-laporan tahunan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti kesemua masjid dan wang yang diterima atau dibelanjakan atau harta yang dilupuskan oleh Lembaga Masjid-Masjid di sepanjang tahun.

Am

Peramanahan masjid-masjid, tanah, dsb.

58.—(1) Tanpa menyentuh mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa di dalam Negeri yang berhubungan dengan syarikat, koperasi atau pertubuhan—

(a) Majlis hendaklah—

(i) menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua masjid, institusi dan sekolah agama Islam dan tanah perkuburan orang Islam di dalam Negeri, dan tiap-tiap masjid, institusi dan sekolah agama Islam dan tanah perkuburan orang Islam, berserta dengan mana-mana harta kepunyaan atau yang bersangkutan dengannya, selain tanah yang dirizabkan bagi maksud awam atau yang diperolehi atas nama Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah yang ditubuhkan di bawah Ordinan Amanah Khairat [*Bab 7*], hendaklah, tanpa apa-apa jua pun pindah hak, serah hak atau pindah milik, terletakhak pada Majlis bagi maksud Ordinan ini, dan jika ia menyentuh tanah berimilik, tertakluk kepada subseksyen (6), Daftar yang disimpan di bawah Kanun Tanah [*Bab 81 (Cetakan 1972)*] yang di dalamnya hakmilik bagi tanah itu didaftarkan, hendaklah diperbetulkan dengan sewajarnya;

(ii) bertanggungjawab atas kawalan dan pengawasan yang wajar akan hal-ehwal dan aktiviti semua pertubuhan, badan dan organisasi khairat Islam di dalam Negeri,

(iii) bertanggungjawab atas pengeluaran arahan kepada semua guru dan badan agama Islam dalam perkara-perkara

yang berhubungan dengan nas-nas yang hendak diikuti dalam mengembangkan agama Islam; dan

(iv) bertanggungjawab atas segala peraturan yang dikehendaki dibuat di dalam Negeri berkenaan dengan penunaian haji ke Mekah bagi orang-orang Islam di dalam Negeri;

(b) Majlis boleh mengarahkan mana-mana pertubuhan, badan atau organisasi khairat agama Islam supaya mengemukakan akaun lengkap mengenai kesemua wang yang dipungut dan mengenai pemelupsannya serta segala resit dan dokumen-dokumen lain untuk pemeriksaan dan pengauditan oleh Majlis;

(c) tiada orang boleh memungut wang atau sumbangan-sumbangan lain bagi apa-apa jua maksud khairat, atau bagi menyokong dan memajukan agama Islam, atau bagi faedah orang-orang Islam atau mana-mana masjid dan institusi atau sekolah agama Islam, atau bagi menyenggarakan tanah perkuburan orang Islam, tanpa kelulusan bertulis Majlis;

(d) tiada orang boleh mengajar atau mengembangkan atau memperjelaskan kepada orang ramai apa-apa doktrin tentang agama Islam di dalam Negeri tanpa kelulusan bertulis Majlis; dan

(e) tiada orang boleh menggunakan mana-mana bangunan atau tempat sebagai atau bagi maksud institusi atau sekolah agama Islam untuk mengajar atau mengembangkan agama Islam atau yang mana bahasa Arab merupakan pengantaraan utama pengajaran, tanpa kelulusan bertulis Majlis.

(2) Jika Majlis berpuas hati, selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa mana-mana pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam atau mana-mana orang telah gagal mematuhi mana-mana arahan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), maka Majlis boleh, melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisyiharkan bahawa aktiviti-aktiviti pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam atau orang itu adalah memudaratkan dan bertentangan dengan kepentingan masyarakat Islam.

(3) Atas pengisyiharan itu,—

(a) tiada seorang pun boleh mengusahakan, mengelolakan atau melibatkan diri dengan apa-apa jua cara dalam aktiviti-aktiviti

atau pemungutan wang atau sumbangan untuk atau sebagai menyokong pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam atau orang yang disebut di atas tadi; dan

(b) dana pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam hendaklah disifatkan sebagai terletak hak pada, dan diserahkan kepada, Majlis dalam masa empat belas hari dari tarikh Perintah itu untuk diperlakukan mengikut apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Majlis.

(4) Mana-mana pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam atau orang yang terkilan dengan Perintah yang dibuat oleh Majlis boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan Perintah itu, merayu kepada Yang di-Pertua Negeri. Setelah dipertimbangkan rayuan itu, Yang di-Pertua Negeri boleh sama ada mengesahkan, membatalkan, mengubah atau memindah Perintah itu.

(5) Sehingga dan melainkan jika Perintah itu dibatalkan, diubah atau dipinda oleh Yang di-Pertua Negeri, ia hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan penuh dan hendaklah dipatuhi dan jika gagal, pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam atau orang yang terjejas dengannya itu adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan pemenjaraan tidak melebihi dua tahun.

(6) (a) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau tempoh mana-mana pajakan, dalam apa-apa jua hal di mana mana-mana tanah berimilik telah diletakhakkan pada Majlis bagi maksud Ordinan ini menurut subseksyen (1)(a)(i), Majlis hendaklah, dengan kelulusan Yang di-Pertua Negeri, memperolehi tanah itu dengan cara pemerolehan secara paksa mengikut Bahagian IV Kanun Tanah.

(b) Maksudnya mana-mana tanah itu diperolehi menurut subseksyen ini hendaklah disifatkan sebagai maksud awam di bawah Kanun Tanah dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung dan apa-apa pampasan yang dibayar berkenaan dengan pemerolehan itu hendaklah dibayar oleh Majlis.

(7) Majlis boleh mengecualikan mana-mana institusi atau sekolah agama Islam daripada peruntukan-peruntukan seksyen ini.

(8) Bagi maksud seksyen ini, tertakluk kepada apa-apa pengecualian yang diberikan di bawah subseksyen (7), "institusi atau sekolah agama Islam" ertiya mana-mana institusi atau sekolah pendidikan atau establismen atau tempat di dalam Negeri di mana orang-

orang didaftaraikan untuk belajar atau diajari apa-apa mata pelajaran yang berhubungan dengan agama Islam.

Penyenggaraan masjid dan kawasannya

59.—(1) Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid di dalam Negeri berada dalam keadaan baik yang sepatutnya dan bahawa kawasan-kawasannya disenggarakan dalam keadaan bersih yang sepatutnya.

(2) Majlis boleh memperdapat dan menggunakan, atau membenarkan pemerdapat dan penggunaan, dana khas bagi maksud kerja pembaikan dan penyenggaraan masjid itu, atau boleh membayar kos kerja pembaikan dan penyenggaraan itu daripada Baitulmal.

Penubuhan masjid

60.—(1) Majlis boleh pada bila-bila masa—

(a) membenarkan sesuatu bangunan didirikan untuk digunakan sebagai masjid;

(b) membenarkan penggunaan mana-mana bangunan sebagai masjid; atau

(c) menetapkan mana-mana surau atau bangunan lain menjadi masjid.

(2) Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya atau membuat penetapan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa, melalui pemberitahuan dalam *Warta* atau selainnya, menentukan, meminda atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.

(4) Majlis boleh melantik suatu jawatankuasa yang terdiri daripada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut untuk menguruskan atau menjaga mana-mana masjid dan jawatankuasa itu hendaklah menunaikan fungsi-fungsinya di bawah arahan Majlis.

Pelantikan pegawai masjid

61.—(1) Majlis boleh melantik seseorang yang layak dan patut untuk menjadi pegawai masjid bagi mana-mana masjid di dalam Negeri.

(2) Tiap-tiap orang yang dilantik oleh Majlis untuk menjadi pegawai masjid, termasuk tiap-tiap orang yang disifatkan telah dilantik sedemikian di bawah seksyen 84, hendaklah diberikan tauliah oleh Majlis dan hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan dalam tauliah mereka itu masing-masing atau di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Ordinan ini.

Tempoh jawatan pegawai masjid

62.—(1) Pelantikan seorang pegawai masjid boleh ditamatkan dengan notis bertulis daripada Majlis.

(2) Adalah menjadi kewajipan Setiausaha untuk memaklumkan apa-apa kelakuan keji mana-mana pegawai masjid, sama ada yang berhubungan dengan tugas-tugasnya sebagai pegawai masjid atau selainnya dan untuk membuat apa-apa syor yang munasabah.

Kawalan dan arahan ke atas pegawai masjid

63. Dalam menunaikan tugas-tugas mereka, pegawai masjid hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan dari semasa ke semasa Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis.

Pengecualian bagi masjid

64. Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertua Negeri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* atau selainnya, mengecualikan mana-mana masjid daripada semua atau mana-mana peruntukan Bahagian ini.

BAHAGIAN VII

ZAKAT DAN FITRAH

Kuasa Majlis untuk memungut dan melupuskan *zakat* dan *fitrah*

65.—(1) Tertakluk kepada Ordinan ini, Majlis hendaklah mempunyai kuasa, dan hendaklah berkewajipan, untuk memungut dan melupuskan semua *zakat* dan *fitrah* yang kena dibayar di dalam Negeri mengikut Undang-Undang Islam sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis, dengan kelulusan Yang di-Pertua Negeri.

(2) Semua *zakat* dan *fitrah* yang dipungut mengikut Bahagian ini hendaklah dibayar ke dalam Baitulmal tetapi hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun berasingan dalam Baitulmal itu.

Kuasa Majlis untuk membuat kaedah-kaedah mengenai *zakat* dan *fitrah*

66.—(1) Yang di-Pertua Negeri, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan dan mengawalselia semua perkara yang berkaitan dengan pemungutan, pentadbiran dan pengagihan *zakat* dan *fitrah*.

(2) Khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan kuasa yang tersebut di atas, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan mengenai—

- (a) amaunnya *zakat* dan *fitrah* yang kena dibayar oleh semua orang Islam di dalam Negeri;
- (b) caranya yang *zakat* dan *fitrah* hendak dipungut;
- (c) pelantikan ejen dan *amil* untuk memungut *zakat* dan *fitrah*; dan
- (d) penalty-penalty kerana pemungutan atau pemberian *zakat* dan *fitrah* oleh atau kepada orang-orang tak berkebenaran.

(3) Undang-Undang Zakat dan Fitrah, 1966 [*Swk. L.N. 94/66*] yang dibuat di bawah Undang-Undang Mahkamah Syariah [*Jld. VIII ms 673*] hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah seksyen ini dan hendaklah terus berkuasa, setakat yang ia tidak berlawanan dengan Ordinan ini, sehinggalah ia dibatalkan atau digantikan dengan kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Ordinan ini.

Bantahan

67.—(1) Mana-mana orang boleh membuat bantahan kepada Majlis berkenaan dengan apa-apa tuntutan memintanya membayar *zakat* dan *fitrah*.

(2) Majlis hendaklah menimbang bantahan itu dan Majlis boleh memerintahkan bahawa—

- (a) orang itu hendaklah membayar amaun *zakat* dan *fitrah* yang dituntut daripadanya itu; atau
- (b) orang itu hendaklah membayar apa-apa amaun *zakat* atau *fitrah* yang terkurang daripada itu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis; atau
- (c) orang itu tidaklah bertanggungan untuk membayar *zakat* atau *fitrah* atau kedua-duanya sekali dalam mana-mana satu tahun ataupun lebih.

(3) Keputusan Majlis terhadap bantahan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau diulangkaji dalam mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN VIII

PEMELUKAN AGAMA ISLAM

Kehendak-kehendak bagi, dan kesannya, memeluk agama Islam

68.—(1) Seseorang yang bukan Islam dan ingin memeluk agama Islam hendaklah mematuhi segala kehendak yang perlu mengikut Undang-Undang Islam bagi pemelukan sah agama Islam.

(2) Seseorang terus memeluk agama Islam dan menjadi orang Islam sebaik sahaja dia memenuhi kehendak di bawah subseksyen (1).

Keupayaan untuk memeluk agama Islam

69. Bagi maksud Bahagian ini, seseorang yang bukan Islam boleh memeluk agama Islam jika dia sempurna akal dan—

(a) sudah mencapai umur lapan belas tahun; atau

(b) jika dia belum mencapai umur lapan belas tahun, ibu atau bapa atau penjaganya mengizinkan pemelukan agama Islam olehnya.

Pelantikan Pendaftar Pemeluk Agama Islam

70.—(1) Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri hendaklah menjadi Pendaftar Pemeluk Agama Islam yang hendaklah menyenggarakan suatu Daftar dalam bentuk yang ditetapkan untuk pendaftaran akan orang-orang yang memeluk agama Islam.

(2) Pendaftar Pemeluk Agama Islam hendaklah memberi tiap-tiap orang yang pemelukan agama Islam olehnya telah didaftarkan suatu Kad Perakuan memeluk agama Islam dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Ordinan ini dan Kad Perakuan itu hendaklah menjadi bukti muktamad tentang fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya.

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Anggaran pendapatan dan perbelanjaan

71.—(1) Majlis hendaklah menyedia dan mengemukakan kepada Menteri tidak lewat daripada 31 haribulan Oktober dalam setiap tahun

anggaran kesemua pendapatan dan perbelanjaan Baitulmal, termasuk di dalamnya anggaran segala harta dan barang boleh lupus, berkenaan dengan tahun yang berikutnya.

(2) Menteri boleh meluluskan anggaran-anggaran itu atau boleh mengarahkan supaya anggaran-anggaran itu dipinda.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Menteri anggaran perbelanjaan tambahan Baitulmal berkenaan dengan tahun semasa, atau, pada bila-bila masa sebelum 31 haribulan Mac dalam mana-mana tahun, berkenaan dengan tahun yang sebelumnya, dan anggaran perbelanjaan tambahan itu boleh diluluskan atau dipinda mengikut subseksyen (2).

(4) Tiada wang Baitulmal boleh dibelanjakan, atau harta dilupuskan dalam bentuk barang, kecuali mengikut apa-apa anggaran yang diperuntukkan dalam seksyen ini dan dengan berdasarkan baucer yang ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis bagi maksud itu.

Audit

72. Kunci kira-kira tahunan, akaun pendapatan dan perbelanjaan serta senarai pelaburan hendaklah, sebelum ia dikeluarkan, diaudit setiap tahun dan diperakui sewajarnya oleh Ketua Audit Negara atau seorang pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Audit Negara. Satu salinan perakuan juruaudit itu hendaklah dilampirkan kepada kesemua salinan laporan dan akaun yang dikeluarkan itu.

Laporan Tahunan

73. Majlis hendaklah menyebabkan akaun-akaun yang lengkap dan benar Baitulmal disimpan dan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin selepas 31 haribulan Disember dalam tiap-tiap tahun mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tentang aktiviti-aktiviti Majlis sepanjang tahun yang sebelumnya, berserta dengan satu kunci kira-kira Baitulmal, seperti pada 31 haribulan Disember, suatu akaun pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun itu dan senarai harta dan pelaburan Baitulmal dengan menunjukkan kosnya, jika dibeli, dan anggaran nilai seperti pada 31 haribulan Disember.

Akaun bank

74.—(1) Majlis boleh mengurus dan mengendalikan akaun atau akaun-akaun untuk Baitulmal sebagaimana yang didapatinya patut dengan mana-mana bank yang sesuai.

(2) Semua wang yang diterima oleh atau untuk Majlis berkenaan dengan Baitulmal hendaklah dibayar masuk ke dalam akaun bank Majlis sama ada sebagai simpanan tetap atau akaun semasa.

(3) Cek-cek yang dikeluarkan daripada mana-mana akaun bank Majlis hendaklah ditandatangani oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis bagi maksud itu.

BAHAGIAN X

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI

Pelantikan ejen, amil dan pegawai berkenaan dengan pemungutan caruman kepada Baitulmal

75. Bagi maksud-maksud Ordinan ini, Majlis boleh melantik ejen, amil dan pegawai sebagaimana yang perlu bagi membuat pungutan caruman, pendapatan daripada *wakaf khas* dan *nzr am* dan *zakat* dan *fitrah* untuk dimasukkan ke dalam Baitulmal atau dimasukkan ke dalam akaun berasingannya.

Pelantikan jawatankuasa-jawatankuasa

76. Majlis dan Lembaga yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantu mereka dalam menuaikan tugas-tugas mereka atau menjalankan kuasa-kuasa mereka.

Penyiaran akan pelantikan, dsb., di dalam *Warta*

77. Semua pelantikan dan pembatalan pelantikan anggota-anggota Majlis dan Lembaga yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam, 1948

78. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam ,1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis, Setiausaha, Lembaga atau jawatankuasa atau mana-mana anggotanya atau pegawai dan pekhidmat Majlis atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Pekhidmat awam

79. Anggota-anggota, pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat dan Setiausaha Majlis dan anggota-anggota Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis dan Lembaga masing-masing di bawah Ordinan ini hendaklah, semasa mereka menunaikan tugas-tugas sebagai anggota, pegawai, pekhidmat atau Setiausaha yang sedemikian, disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut erti dalam Kanun Keseksaan *[Akta 574]*.

Kesalahan oleh syarikat, pertubuhan, dll. agama Islam

80. Sekiranya suatu kesalahan di bawah Ordinan ini telah dilakukan oleh mana-mana syarikat, pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam, maka orang yang pada masa perlakuan kesalahan itu merupakan pengarah atau setiausaha atau pegawai lain yang serupa itu di dalamnya atau seseorang yang berupa sebagai bertindak atas sifat yang sedemikian hendaklah, serta juga mana-mana perbadanan, pertubuhan, badan, organisasi khairat, institusi atau sekolah agama Islam itu, disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah awasan yang munasabah untuk mencegah berlakunya kesalahan itu atau, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, mencegah kesalahan itu dari berterusan.

Siapa boleh mendakwa

81. Pendakwaan ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Ordinan ini atau mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan atau dijalankan oleh pegawai-pegawai atau pekhidmat-pekhidmat Majlis atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa dengan sempurna secara bertulis bagi maksud itu oleh Majlis.

Kuasa Yang di-Pertua Negeri untuk membuat kaedah-kaedah

82.—(1) Yang di-Pertua Negeri, atas nasihat Majlis, boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* membuat kaedah-kaedah untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan Ordinan ini.

(2) Khususnya, tetapi tanpa menyentuh keluasan kuasa yang tersebut di atas, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan mengenai—

- (a) fi-fi yang hendak dibayar berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Ordinan ini, dan cara memungut dan melupuskan fi-fi itu;
- (b) pelantikan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis atau Lembaga dan kuasa, kewajipan serta perjalanannya;
- (c) borang, daftar, buku akaun, laporan, akaun, anggaran, dan dokumen-dokumen lain yang hendak digunakan oleh Majlis berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Ordinan ini;
- (d) pengelolaan tentang apa-apa pemungutan khairat dan pemelupusan hasilnya;
- (e) berkenaan dengan Lembaga Masjid-Masjid—
 - (i) pentadbiran dan pendaftaran masjid-masjid dan semua perkara yang berhubungan dengannya;
 - (ii) penubuhan masjid, pelantikan, kuasa dan kewajipan mana-mana pegawai masjid dan apa-apa perkara yang berhubungan dengannya;
 - (iii) penetapan tanah perkuburan Islam dan apa-apa perkara yang berhubungan dengannya;
 - (iv) penentuan dan pemindaan sempadan sesuatu kariah masjid;
 - (v) penjalanan yang wajar dan ketertiban yang teratur akan masjid, dan kelakuan dan tatatertib yang baik anak kariah dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam;
 - (vi) kawalan dan sekatan berhubungan dengan penubuhan masjid-masjid; dan
 - (vii) apa-apa perkara lain yang perlu atau mustahak dibuat kaedah-kaedah berhubungan dengan masjid-masjid;
- (f) pentadbiran dan penyeliaan institusi dan sekolah agama Islam dan aktiviti-aktiviti yang berhubungan dengan pengajaran agama Islam;
- (g) hukuman (denda satu ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi enam bulan) kerana apa-apa perlanggaran terhadap, atau

kerana kegagalan mematuhi, mana-mana daripada kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen ini;

- (h) pemungutan, pentadbiran dan pengagihan semua harta dan pelaburan Baitulmal;
- (i) penggulungan Baitulmal;
- (j) cara pembayaran dan pengutipan caruman kepada Baitulmal dan apa-apa perkara yang bersampingan dengannya;
- (k) pengecualian bagi majikan-majikan daripada membayar caruman kepada Baitulmal berkenaan dengan kategori-kategori tertentu pekerja-pekerja beragama Islam sebagaimana yang diputuskan oleh Yang di-Pertua Negeri;
- (l) pemulangan caruman-caruman di bawah Bahagian V atau mana-mana bahagian daripada caruman-caruman itu yang tersalah bayar;
- (m) pembayaran caruman-caruman di bawah Bahagian V atau mana-mana bahagian daripada caruman-caruman itu yang tersengaja tidak dibayar;
- (n) penyimpanan buku-buku, akaun-akaun atau rekod-rekod oleh majikan;
- (o) penetapan bukti yang hendak dikemukakan dan orang, pegawai atau pihak berkuasa yang kepadanya bukti itu hendak dikemukakan bagi maksud-maksud Bahagian V;
- (p) menetapkan tatacara yang hendak diikuti bila caruman-caruman dibayar masuk ke dalam Baitulmal;
- (q) takat tanggungan majikan-majikan tentang pembayaran caruman-caruman kepada Baitulmal dalam hal-hal di mana seseorang pekerja diambil kerja secara serentak oleh dua orang majikan atau lebih;
- (r) tatacara yang hendak diikuti bila caruman-caruman sukarela dibayar masuk ke dalam Baitulmal;
- (s) kuasa, kewajipan dan perjalanan Lembaga yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini;
- (t) penyata-penyata yang hendak dibuat dan borang-borang serta daftar-daftar yang hendak digunakan dalam melaksanakan Bahagian V;

- (u) penjagaan dan pengajaran bagi pemeluk-pemeluk agama Islam, dan kaedah untuk mendaftarkan mereka atau selainnya;
- (v) apa-apa perkara yang mungkin ditetapkan di bawah Ordinan ini; dan
- (w) segala perkara lain yang boleh diperuntukkan melalui kaedah-kaedah di bawah Ordinan ini.

BAHAGIAN XI

PEMANSUHAN, PERKECUALIAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

Pemansuhan, perkecualian dan peruntukan peralihan

83.—(1) Ordinan Majlis Islam (Pemerbadanan) [*Bab 105 (Cetakan 1972)*] adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Semua kaedah, perisyiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Ordinan dimansuhkan hendaklah disifatkan telah dibuat di bawah Ordinan ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga peruntukan-peruntukan lain yang berhubungan dengannya dikeluarkan atau dibuat di bawah Ordinan ini, setakat yang tidak bertentangan dengan Ordinan ini, sehingga ia dibatalkan atau digantikan oleh kaedah-kaedah, perisyiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Ordinan ini.

Terus menjadi pegawai, pekhidmat, dsb., Majlis

84. Tiap-tiap orang yang, sebelum sahaja tarikh ditetapkan,—

- (a) telah menjadi Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Mufti atau anggota Majlis terdahulu, Lembaga atau jawatankuasa jika berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Ordinan dimansuhkan atau pegawai masjid hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah Ordinan ini dan hendaklah terus berkhidmat sebagai Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Mufti atau anggota Majlis, Lembaga atau jawatankuasa atau pegawai masjid itu, sehingga peruntukan-peruntukan lain yang berhubungan dengannya dibuat di bawah Ordinan ini atau sehingga tamat tempoh lantikannya sebagai Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Mufti atau anggota Majlis, Lembaga atau jawatankuasa atau pegawai masjid itu; dan

(b) telah bekerja sebagai seorang pegawai atau pekhidmat Majlis terdahulu hendaklah pada tarikh itu disifatkan telah bekerja sebagai seorang pegawai atau pekhidmat, mengikut mana-mana yang berkenaan, Majlis yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang sama seperti terma-terma dan syarat-syarat yang terdapat sebelum sahaja tarikh ditetapkan.

Pemindahan kuasa, hak, liabiliti dan kewajipan

85. Tertakluk kepada Ordinan ini, segala kuasa, hak, kewibawaan, keistimewaan, kewajipan, liabiliti atau obligasi yang sebelum sahaja tarikh ditetapkan terletak hak pada atau dipertanggungkan kepada Majlis terdahulu hendaklah, pada tarikh ditetapkan, terletak hak pada dan dipertanggungkan, kepada Majlis yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini, setakat yang ia tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Ordinan ini.

Pemindahan harta

86.—(1) Tertakluk kepada Ordinan ini, segala tanah yang sebelum sahaja tarikh ditetapkan adalah terletak hak pada atau dirizabkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah bagi maksud Majlis terdahulu hendaklah, pada tarikh ditetapkan, terletak hak pada, atau disifatkan dirizabkan bagi maksud, Majlis yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini.

(2) Tertakluk kepada Ordinan ini dan kepada apa-apa arahan Menteri, segala harta dan aset selain tanah yang sebelum sahaja tarikh ditetapkan telah terletak hak pada Majlis terdahulu atau pada mana-mana orang bagi pihak Majlis terdahulu hendaklah pada tarikh ditetapkan terletak hak pada Majlis yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindahan.

(3) Adalah dengan ini ditetapkan bahawa mana-mana harta yang sebelum sahaja 17 Disember 1954 telah digunakan bagi maksud-maksud yang selepas tarikh tersebut menjadi maksud-maksud Majlis terdahulu hendaklah pada tarikh ditetapkan terletak hak pada Majlis yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindahan.

Kontrak sedia ada

87. Tertakluk kepada Ordinan ini, semua surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan-perkiraan kerja yang wujud sebelum sahaja tarikh ditetapkan dan yang menyentuh mana-mana harta yang

dipindah milik di bawah seksyen 86 hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan penuh terhadap atau untuk Majlis dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dan dengan berkesannya seolah-olah Majlis yang ditubuhkan di bawah Ordinan ini telah dinamakan di dalamnya atau telah menjadi satu pihak dalam surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan-perkiraan kerja itu dan bukannya Majlis terdahulu atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Majlis terdahulu itu.

Pemindahan Baitulmal

88. Tertakluk kepada Ordinan ini, segala wang yang ada di dalam, dan yang kena dibayar kepada, Baitulmal Majlis terdahulu hendaklah, pada tarikh ditetapkan, dipindahkan kepada Baitulmal yang ditubuhkan di bawah seksyen 45.

Pencegahan berlakunya anomali

89. Jika berbangkit apa-apa kesulitan berkenaan dengan peruntukan-peruntukan peralihan dalam Ordinan ini, Menteri boleh, melalui Perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa pengubahsuaian dalam peruntukan-peruntukan itu sebagaimana yang ternampak kepadanya perlu untuk mencegah berlakunya anomali:

Dengan syarat bahawa Menteri tidaklah boleh menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen ini selepas tamatnya tempoh dua tahun dari tarikh ditetapkan.

JADUAL

(Seksyen 48(1) dan 50)

KADAR-KADAR CARUMAN BAGI SEBULAN

(1) Pekerja:

<i>Amaun Emolumen Sebulan</i>	<i>Kadar Caruman Sebulan</i>
Melebihi RM300 tetapi tidak melebihi RM1,000	RM1.00
Melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM2,000	RM2.00
Melebihi RM2,000	RM4.00

(2) Majikan:

Bagi majikan yang beragama Islam	RM5.00
----------------------------------	--------





DICETAK OLEH PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD, KUCHING, SARAWAK
Tel: 082-241131, 241132, 248876 Fax: 082-412005
E. mail: pmrbkc@printnasional.com.my
Website: <http://www.printnasional.com.my>
BAGI PIHAK DAN DENGAN KUASA PERINTAH KERAJAAN SARAWAK